

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

**SEMPENA**

**'MAJLIS PENGANUGERAHAN MS ISO 9001:2015  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN'**

**PADA**

**13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
12.00 TENGAH HARI**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN AUDITORIUM  
ARAS 1, BLOK TENGAH  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib  
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati  
Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Seterusnya

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga SPP sekalian.

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada hari yang berbahagia ini, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang dilihat bakal memantapkan urusan penyampaian perkhidmatan Suruhanjaya ini pada masa hadapan.

2. Sebagai pembuka wadah bicara majlis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah jua atas kerjasama semua warga SPP yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 SPP kita pada hari berbahagia ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam era globalisasi, persaingan yang sengit merupakan isu utama yang dihadapi oleh organisasi masa kini. Keupayaan organisasi untuk membentuk sistem pengurusan kualiti yang mantap merupakan pra-syarat utama memastikan kecemerlangan dan kejayaan berterusan sesebuah organisasi selain mempertingkatkan daya saing organisasi.

4. Sehubungan itu, penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 ini dilihat akan memberi pengiktirafan kepada SPP dalam usaha untuk membuktikan kebolehan dan keupayaan dalam menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan pelanggan serta perundangan secara konsisten sebagai Badan Kuasa Melantik utama sektor perkhidmatan pendidikan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Selain itu, amalan untuk memenuhi kriteria pensijilan ini pada setiap tahun juga membolehkan SPP mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan yang bertitik tolak daripada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang berkesan dengan jaminan terhadap ekspektasi pelanggan dan perundangan.

6. Besarlah harapan saya, dengan penganugerahan sijil ini SPP akan sentiasa memastikan

Melalui pelan strategik ini, keberkesanan sistem eSPP akan dikaji semula agar penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien dapat diberikan kepada pelanggan yang merangkumi Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, anggota perkhidmatan pendidikan serta orang awam.

5. Sistem kemudahan mencetak surat-surat kelulusan bagi urusan pengambilan dan perkhidmatan secara dalam talian juga akan turut dibangunkan di bawah pelan strategik ini selain menambah saluran komunikasi untuk membolehkan proses semakin yang lebih cepat dan efektif dapat dibuat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pada malam yang berbahagia ini juga, kita akan turut meraikan seorang Ahli Suruhanjaya SPP yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan pada tahun ini iaitu Encik Awangku Ali bin Pengiran Jumaat. Beliau akan menamatkan perkhidmatan pada 6 Mei 2017. SPP dengan rasa berat hati ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung budi kepada Encik Awangku Ali.

7. Sesungguhnya kepakaran dan pengalaman yang dikongsi serta dicurahkan semasa perkhidmatan, berjaya meletakkan SPP sebagai pihak berkuasa melantik perkhidmatan pendidikan negara yang dinamik, efektif dan berintegriti. Justeru, majlis ini adalah tanda penghargaan atas budi dan jasa yang telah beliau diberikan selama tempoh perkhidmatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Untuk makluman semua, tahun ini juga SPP akan kehilangan enam (6) pegawai yang akan bersara wajib dan tiga (3) pegawai yang bersara secara pilihan. Saya percaya komitmen dan sumbangan yang diberikan selama tempoh perkhidmatan telah memenuhi ekspekstasi dan harapan 'stake holder' serta melancarkan penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggan SPP.

9. Persaraan bukanlah satu noktah pengakhiran tetapi satu titik permulaan bagi satu lembaran baharu kerana pada hakikatnya tuan-tuan dan puan-puan hanyalah bersara daripada perkhidmatan awam, tetapi masih diperlukan bagi memberikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara.

10. Sehubungan itu, janganlah menganggap majlis ini sebagai perpisahan terakhir tetapi lebih kepada jalinan kasih antara warga SPP kerana silaturahim dan kemesraan kita sudah seperti satu keluarga yang besar yang memerlukan antara satu sama lain. Bagi yang bersara, kongsi-kongsilah pengalaman dengan pegawai yang masih berkhidmat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Saya turut dimaklumkan pada malam ini juga, seramai 19 orang pegawai SPP yang telah diperakukan oleh Panel

Pembangunan Sumber Manusia SPP untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2016 dan juga penyampaian sijil Perkhidmatan Cemerlang kepada 209 orang pegawai SPP yang mencapai markah LNPT 90 dan ke atas.

12. Semoga dengan anugerah yang diterima ini dapat dijadikan sebagai pembakar semangat bukan sahaja untuk penerima tetapi juga rakan-rakan lain di SPP dalam memberikan yang terbaik ketika memenuhi tuntutan kerja. Ini penting kerana setiap seorang daripada kita adalah aset penting dalam menggerakkan SPP.

13. Besarlah harapan saya sekiranya tahun ini kita teruskan kecermelangan yang kita cipta pada tahun lalu selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyifatkan tahun 2017 sebagai 'Year of Delivery' atau Tahun Penyampaian kepada rakyat.

14. Maka dengan itu, sebelum saya menamatkan ucapan dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini merasmikan Pelan Strategik ICT 2016-2020, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, SPP.

Sekian, terima kasih.